

Ketua Hakim diketahui hari ini

UTUSAN MALAYSIA 16 JUL 2025

m/d: 1

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
utusannews@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Krisis kehakiman bakal berakhir apabila Majlis Raja-Raja akan mengumumkan pelantikan jawatan Ketua Hakim Negara hari ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, beliau telah mengadakan perbincangan panjang bersama Majlis Raja-Raja pagi semalam dan menyerahkan kepada kebijaksanaan Majlis Raja-Raja untuk membuat keputusan.

“Kini, setelah lebih dua setengah tahun saya memegang jawatan, saya tidak pernah

PM serah kepada
kebijaksanaan
Majlis Raja-
Raja umum
pelantikan

berbincang dengan mana-mana hakim tentang sebarang kes, tidak dengan Ketua Hakim Negara, mahupun dengan mana-mana hakim lain.

“Saya memegang teguh prinsip kebebasan badan kehaki-

man. Namun begitu, saya akui terdapat beberapa kebimbangan yang diluahkan dan saya ambil maklum akan perkara itu,” katanya berucap pada Persidangan Antarabangsa Integriti dan Tadbir Urus 2025 di sini, semalam.

Jawatan Ketua Hakim Negara kosong susulan persaraan wajib Tun Tengku Maimun Tuan Mat pada 30 Jun lalu.

Kelewatan mengisi jawatan itu telah mencetuskan polemik mengenai integriti badan kehakiman yang dikaitkan dengan campur tangan pihak tertentu dalam pelantikan jawatan tertinggi kehakiman.

Malah, Majlis Peguam kelmarin mengadakan perarakan bagi menyerahkan memorandum, menggesa kerajaan segera menyelesaikan empat tuntutan mereka termasuk mengisi kekosongan jawatan tertinggi kehakiman.

Anwar berkata, kebimbangan itu timbul akibat kelewatan pelantikan hakim serta tanggapan bahawa terdapat pelantikan ke jawatan penting dalam badan kehakiman yang mungkin dikompromi, dengan pencalonan calon-calon yang dipersoalkan oleh sesetengah pihak.

Ketua Hakim diketahui hari ini

Dari muka 1

Beliau memberi jaminan, perkara itu tidak berlaku seperti tanggapan pihak-pihak tertentu.

“Saya percaya rakan-rakan dalam bidang perundangan memahami bahawa kita mesti bertindak berdasarkan undang-undang dan fakta, bukan berdasarkan persepsi.

“Soal persepsi itu kita serahkan kepada ahli politik. Hanya dengan cara ini kita boleh terus mentadbir negara dengan baik.

“Insya-Allah, esok (hari ini) akan ada satu pengumuman yang bakal menepis segala persepsi negatif yang tersebar,” katanya.

Perdana Menteri berkata, Kerajaan Madani mewarisi sis-

tem dalam keadaan ketika wujud banyak perbincangan mengenai rasuah yang berleluasa dan tadbir urus yang lemah, maka tiba masanya untuk melaksanakan semua perubahan yang perlu.

Beliau turut mengulas persepsi yang timbul berkaitan proses pelantikan dalam badan kehakiman yang dikaitkan dengan tekanan politik.

“Saya harap perkara ini tidak menjejaskan kedudukan Majlis Peguam, kerana mereka berpegang kepada prinsip.

“Walaupun saya telah menafikan dakwaan-dakwaan tersebut dengan tegas, masih ada sebahagian daripada mereka yang tidak berpuas hati, mungkin disebabkan oleh permainan politik.

“Tetapi kini, apabila dakwaan itu ternyata tidak benar, saya tidak mahu mereka berkata, ‘Tidak, tidak... kerajaan tunduk kepada tekanan’.

“Azalina (Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said) tahu, Ketua Setiausaha Negara juga tahu bahawa tiada sebarang nama yang dikatakan kontroversi atau diragui pernah dikemukakan kepada Yang di-Pertuan Agong atau Majlis Raja-Raja,” katanya.

Sementara itu, Azalina berkata, Yang di-Pertuan Agong mempunyai kuasa untuk menubuhkan tribunal khas bagi menyasat dakwaan salah laku hakim sebagaimana diperuntukkan dalam Perlembagaan

Persekutuan.

Beliau berkata, perkara itu terkandung dalam Perkara 125(3) dan (4) Perlembagaan Persekutuan dan hakim yang disiasat boleh digantung tugas atas nasihat Perdana Menteri setelah berbincang dengan Ketua Hakim Negara.

“Perkara 125(3A) turut memperuntukkan kuasa kepada Ketua Hakim Negara untuk merujuk sebarang pelanggaran etika kepada Jawatankuasa Etika Kehakiman yang ditubuhkan di bawah Akta Jawatankuasa Etika Hakim 2010 [Akta 703].

“Perkara 125(3B) pula membolehkan penetapan kod etika bertulis bagi menetapkan piawaian tinggi kelakuan dan integriti hakim,” katanya dalam kenyataan.